



ANWAR (tengah) ketika menghadiri mesyuarat MTEN bersama Jemaah Menteri di Putrajaya semalam. - IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI

Dasar Gaji Progresif, reformasi pekerjaan dengan gaji bermaruah Usaha pulih pasaran pekerja

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA - Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah mengadakan perbincangan mengenai cadangan Dasar Gaji Progresif sebagai satu anjakan ke arah memulihkan pasaran pekerja supaya gaji golongan itu dapat ditingkatkan dengan lebih konsisten serta pengagihan seimbang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Dasar Gaji Progresif itu bersifat sukarela selain berteraskan insentif dan terkait dengan produktiviti.

Katanya, model dasar itu telah diusulkan selepas MTEN mengambil kira pandangan dan kepentingan pihak majikan dan pekerja.

"Dasar itu merupakan pelengkap kepada Dasar Gaji Minimum dan ia akan disusuli dengan garis panduan gaji progresif tahunan bagi setiap sektor, pekerjaan dan peringkat.

"Sesi libat urus dan tinjauan awal telah menunjukkan sebanyak 62 peratus pekerja dan 80 peratus syarikat menyambut baik cadangan Dasar Gaji Progresif dengan ciri-ciri dinyatakan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, pihaknya akan meneruskan langkah selanjutnya dengan mengadakan sesi perbincangan dan libat urus dengan pihak berkepentingan terutamanya pemain industri, perniagaan dan pekerja.

"Perkara itu akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk diperhalusi mekanisme pelaksanaan secara berperingkat serta meneroka keperluan memperuntukkan dana sebagai insentif dasar yang ditentukan berdasarkan kedudukan kewangan kerajaan dan keperluan dasar.

"MTEN berpandangan bahawa Dasar Gaji Progresif merupakan salah satu reformasi pasaran pekerja untuk memastikan pekerja Malaysia tidak dibebankan dengan kos sara hidup dan dapat menikmati pekerjaan dengan gaji bermaruah demi kesejahteraan rakyat dan mencapai agenda mengangkat ekonomi negara," ujar Perdana Menteri.

Mengulas lanjut Anwar berkata, isu gaji merupakan perkara tidak boleh diabaikan di mana berdasarkan Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Pertama 2023 dibentangkan minggu lalu menunjukkan lebih dua juta pekerja Malaysia masih berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan.

"Situasi itu lebih membimbangkan buat golongan muda antara umur 20 sehingga 24 tahun di mana gaji penengah mereka hanyalah RM1,682 sebulan.

"Bagi kebanyakan pekerja Malaysia pula, gaji hanya akan meningkat kepada RM3,500 pada paras tertinggi sekitar umur 40-49 tahun sepanjang kerjaya mereka," katanya.

TARIKH: 8/8/23
SURAT KHABAR: Kosmo Negara!
MUKA SURAT: 4